

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14 (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN
KASSIM [ARAU]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- a) apakah strategi serta cadangan yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi mempromosikan lagi sektor pelancongan di Perlis; dan
- b) apakah pihak Kementerian akan memberi bantuan membaikpulih penyelenggaraan kawasan pelancongan ini khususnya di Tasik Meranti, Bukit Air dan Wang Kelian kerana semua bangunan ini dibiayai oleh Kerajaan yang sekarang ini semakin terbiar serta adakah kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap kerajaan negeri yang gagal menyelenggarakan tempat-tempat pelancongan kerana terdapat tempat pelancongan yang tidak pernah digunakan langsung sejak ia mula dibina seterusnya menjadi projek "Gajah Putih".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia sentiasa komited dalam memasarkan dan mempromosikan sektor pelancongan negara terutamanya negeri Perlis melalui strategi dan inisiatif seperti berikut:

- 1) **Melalui pelaksanaan program *Mega-Fam (Mega Familiarization)*** dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan antarabangsa untuk menyertai acara-acara dan program-program pelancongan di Perlis;
- 2) **Mengadakan bengkel pembangunan pakej serta seminar** bagi membantu pengusaha pelancongan termasuklah pengusaha homestay berdaftar untuk membangun dan mempromosikan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju kepada pelancong domestik dan antarabangsa;
- 3) **Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran untuk mempromosi produk pelancongan** yang terdapat di Negeri Perlis;
- 4) **Melibatkan penyertaan Kerajaan Negeri dan agensi pelancongan di Perlis** melalui misi jualan/pemasaran dan pameran-pameran pelancongan utama dalam negara dan antarabangsa;
- 5) **Membantu mendapatkan gambar-gambar dan video berkualiti** melalui acara-acara serta produk pelancongan di negeri Perlis bagi tujuan **publisiti dan promosi dalam media sosial dan digital**; dan
- 6) **Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri Perlis kepada pelancong** melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia di seluruh negara.

NO. SOALAN : 8

Selain itu, antara cadangan bagi mempromosikan sektor pelancongan di Negeri Perlis termasuklah mempromosikan acara-acara yang akan dilaksanakan seperti berikut :

Bil.	Nama Acara	Tarikh	Lokasi	Sasaran Peserta
1.	Pesta Angin Timur 2020	6-8 Mac 2020	Perkarangan Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis	100,000
2.	Perlis Marathon 2020	4 April 2020	Perkarangan Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar	15,000
3.	Karnival Harumanis	April 2020	Busana@Menara Mara, Kuala Lumpur	5,000
4.	Pesta Air Kuala Perlis	September 2020	Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kuala Perlis	20,000
5.	9th World Cup Woodball Championship 2020	24-30 Julai 2020	Dataran Dato' Sheikh Ahmad, Unimap, UITM dan Kolej Matrikulasi Perlis	3,000

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyelenggaraan projek pelancongan tidak lagi disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya hanya menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan membuat pemantauan sehingga

NO. SOALAN : 8

pelaksanaan projek siap seterusnya diserahkan kepada Agensi Pemilik. Sehubungan itu, tanggungjawab penyelenggaraan projek berkenaan adalah kepada agensi pemilik iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Agensi Kerajaan Negeri Perlis bagi memastikan kemudahan pelancongan tersebut terus boleh dinikmati oleh pengunjung.

Kementerian ini tidak mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan terhadap Kerajaan Negeri yang gagal menyelenggarakan tempat-tempat pelancongan. Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil kira faktor ini sebelum memperakukan sebarang permohonan projek baharu oleh Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.